



SEBAHAGIAN pengunjung mengambil makanan pada Bufet Ramadan D' Sara Catering di Bangunan Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Bayar RM10, makan sampai kenyang

SEREMBAN 11 Julai - Hanya bayar RM7 untuk pelajar dan RM10 untuk kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, mereka boleh menikmati hidangan lebih daripada 10 menu yang disediakan dalam bufet Ramadan D'Sara Catering (Kafe Anisah) di bangunan Canselor universiti itu.

Pemiliknya, Anisah Ibrahim, 35, berkata, tawaran itu tidak diperoleh di luar USIM dan sepanjang Ramadan ini, kafe makanannya sentiasa penuh dan menjadi tumpuan ramai, malah ada yang membawa keluarga untuk menikmati hidangan murah dan berbaloi itu.

"Walaupun kini sudah penghujung Ramadan, kafe ini menjadi bualan dalam kalangan warga kampus, malah mendapat banyak pendapat positif yang mahu supaya tawaran bufet yang murah itu diteruskan pada masa hadapan," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di USIM, Nilai dekat sini hari ini.

Katanya, tawaran harga yang berpatutan itu dibuat sebagai menghargai sokongan warga kampus yang menikmati hidangan di kafe itu sejak dibuka.

"Pada asalnya suami saya kurang yakin dengan tawaran pakej bufet Ramadan itu kerana kali pertama melakukannya sejak terlibat dalam perniagaan catering.

"Sebelum ini, setiap kali Ramadan saya akan menyediakan perkhidmatan 'Pakej Mangkuk Tingkat' ke rumah dengan harga serendah RM20. Mereka yang bekerja dan berkeluarga adalah pelanggan utama," ujarnya.

Tambah Anisah, dia mula menawarkan pakej RM10 dan RM7 itu pada awal Ramadan sehingga 14 Julai ini dan untuk keselesaan warga kampus, tiga khemah dipasang yang boleh memuatkan sehingga 200 pengunjung.

"Setiap hari, menu utama yang disediakan adalah berbeza dengan sajian yang kita tawarkan iaitu tiga jenis lauk, dua jenis sayuran, pencuci mulut, bubur, cendol, minuman 'lai ci kang', kuih muih, minuman sejuk dan panas serta menu wajib iaitu cendawan digoreng. Menu dibuat berbeza setiap hari supaya pelanggan tidak berasa jemu untuk kembali ke sini," katanya.

Jelasnya lagi, antara menu kegemaran pelanggannya adalah dari Asia Barat seperti nasi Arab, ayam kabsah, selain masakan utara dan selatan yang turut mendapat sambutan khususnya daging salai, ikan keli berlada, siput sedut dan asam pedas.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada pengurusan universiti

terutama Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad kerana memberi peluang kafe ini menyajikan bufet Ramadan kepada warga kampus. Kehadiran pengunjung dari luar kampus adalah rezeki tambahan kepada saya," jelasnya.

Sementara itu, pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM, **Aminurrasyid Sahrom**, 22, berkata, tawaran 'harga pelajar' di kafe itu membuatkan ramai pelajar berasa lega.

"Makan sampai kenyang cuma bayar RM7 dan RM10. Tentulah berbaloi. Mana hendak dapat kalau di

luar. Menunya pula sedap dan seperti hotel.

"Pakej sebegini memang wajar dan langkah D'Sara Catering (Kafe Anisah) amat dipuji. Kami dapat menikmati juadah berbuka puasa dengan rakan-rakan yang menginap di kolej kediaman dalam dan sekitar kampus," ujarnya.

Bagi pelajar Fakulti Sains dan Teknologi, **Amira Zulaikha Zakaria**, 23, harga dan menu yang ditawarkan di kafe itu bukan sahaja 'pemikat' warga kampus, malah turut mendapat perhatian masyarakat luar.